

14 OCT 1996

BELANJAWAN '97 AKAN LIHAT PENGURANGAN IMPORT TIDAK PERLU

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Tumpuan utama Belanjawan 1997 adalah pengurangan barangan import yang tidak perlu untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan memastikan bahawa tidak ada kecenderungan untuk mengimport secara tidak perlu dan akan mendidik rakyat berbelanja wang bagi kebaikan mereka sendiri.

"Rakyat harus digesa sama ada melalui insentif cukai atau melalui cara-cara lain, jangan membelanjakan wang ke atas barangan diimport apabila terdapat barangan tempatan," katanya.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas melancarkan "Persidangan dan Pameran Rekabentuk Malaysia '96," penyampaian Tanda Rekabentuk Baik dan anugerah-anugerah kepada Pereka-pereka Muda Malaysia bagi tahun 1996, yang diadakan di sini hari ini.

Beliau menegaskan bahawa langkah itu tidak sehingga memulaukan barangan asing dan bahawa kerajaan bertanggung jawab memastikan bahawa ekonomi dikendalikan dengan baik.

"Pada ketika ini, orang-orang berkata bahawa defisit ke atas imbalan pembayaran menunjukkan kecergasan keterlaluan, dan kita boleh menjadi Mexico, tetapi saya tidak tahu di mana mereka belajar ekonomi mereka, tetapi saya tidak fikir bahawa kita akan menjadi seperti Mexico sama sekali," kata Perdana Menteri.

Beliau mengulangi bahawa terdapat terlalu banyak cakap-cakap mengenai bagaimana untuk mengatasi apa yang pada asasnya defisit di dalam imbalan pembayaran yang mengikut definisi bermaksud bahawa terdapat import yang berlebihan mengatasi eksport.

"Jadi, untuk mengatasi masalah defisit adalah untuk mengurangkan import dan meningkatkan eksport, itu saja, tidak ada ekonomi terlalu cergas," kata Dr Mahathir.

Ditanya apakah barangan import yang tidak perlu yang patut dikurangkan, perdana menteri berkata: "Ya, kita perlu tunggu dan lihat, kerana jika saya beritahu sekarang, Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak ada ucapan pula untuk diberitahu hari Belanjawan nanti."

Kepada satu lagi soalan mengenai cukai jualan dan perkhidmatan (SST), Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, mungkin kita akan melihatnya, mungkin tidak."

Dr Mahathir juga berkata bahawa belanjawan itu akan memberikan penekanan kepada pembangunan teknologi tinggi di negara ini dan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa Labuan.

"Kita melihat koridor raya multi-media, Labuan dan beberapa langkah mengenai bagaimana merangsang pelaburan di dalam industri berteknologi tinggi," tambah beliau. -- BERNAMA

AA OS/sia